

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 8, 2018 9:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pemantapan Proses CIR



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

8 NOVEMBER 2018 / 30 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Unit Akreditasi AACSB, UUM COB

BENGKEL PEMANTAPAN PROSES CIR



UUM ONLINE: Dalam usaha mengekalkan status akreditasi AACSB, Unit Akreditasi AACSB, UUM COB telah mengadakan Bengkel Pemantapan Proses *Continuous Improvement Review* (CIR) di Langkawi.

Bengkel ini membincang dan menyediakan laporan bagi melengkapkan permohonan CIR dengan mengambilkira saranan yang dikemukakan oleh *Peer Review Team* (PRT) AACSB pada tahun 2016.

Pelbagai maklumat diperolehi hasil kerjasama dari semua pusat pengajian UUM COB, Jabatan Perniagaan Antarabangsa, SOIS dan *Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business* dalam menyediakan laporan ini.


Bengkel ini merupakan persediaan awal UUM COB dalam menyedia laporan CIR dan menerima lawatan kedua *Peer Review Team* yang akan menilai status akreditasi AACSB UUM COB pada tahun 2021/2022.

Dalam menjayakan agenda AACSB, staf di bawah Unit Akreditasi AACSB dan pejabat Penolong Naib Canselor UUM COB juga memperkemaskan lagi hal ehwal pentadbiran dan perancangan program bersama pada tahun 2019.

Di samping itu, pelbagai aktiviti berkumpulan telah dijalankan dalam mengukuhkan hubungan dan meningkatkan lagi kerjasama berkumpulan.

Bengkel ini dikendalikan oleh Pengarah Unit Akreditasi AACSB UUM COB, Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail.

Turut bersama dalam bengkel ini adalah mantan Pengarah, Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin yang merupakan perunding Akreditasi AACSB UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.